



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR  
PENUBUHAN *INCOME TAX BOARD OF REVIEW***

Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan *Income Tax Board of Review*.

Penubuhan *Income Tax Board of Review* ini bertujuan untuk memperkesakan lagi pentadbiran dan operasi percukaian di Negara Brunei Darussalam. *Income Tax Board of Review* ini memperkenalkan proses baru yang mana Lembaga ini akan mendengar, meneliti dan memberi keputusan ke atas kes bantahan daripada syarikat-syarikat terhadap taksiran Pemungut Cukai Pendapatan. Ia juga akan mewujudkan sistem pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama kerana kes-kes bantahan tersebut akan diteliti oleh sebuah badan bebas.

Syarikat boleh mengemukakan rayuan mereka secara bertulis kepada Setiausaha *Income Tax Board of Review*, Pejabat *Income Tax Board of Review* di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan BB3910, Negara Brunei Darussalam. Bayaran sebanyak BND\$200.00 dikenakan bagi setiap kes rayuan.

Maklumat lanjut mengenai proses rayuan boleh didapati di laman sesawang Kementerian Kewangan di [www.mof.gov.bn](http://www.mof.gov.bn).



Kementerian Kewangan  
Negara Brunei Darussalam

Jamadilawal 1438  
Februari 2017